

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN DATO'
AZUMU [TAMBUN]**

TARIKH : 13 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SERI FAIZAL BIN AZUMU [TAMBUN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:

- a) Berapakah jumlah mesin-mesin thermal di pintu-pintu masuk dan keluar Negara dan adakah jumlah mesin-mesin thermal ini mencukupi; dan
- b) Sekiranya tidak mencukupi, apakah Kementerian berhasrat untuk menambah bilangan alatan tersebut sebagai langkah waspada kepada merebaknya wabak-wabak peyakit yang merbahaya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mesin-mesin thermal di pintu masuk negara adalah bertujuan untuk mengimbas suhu permukaan bagi pengembara-pengembara yang tiba di pintu masuk antarabangsa (PMA) negara. Mesin-mesin thermal ini telah ditetapkan untuk mengesan suhu badan yang menyamai atau lebih dari 37.5°C . Mana-mana pengembara yang didapati mempunyai suhu 37.5°C atau lebih oleh mesin thermal, akan diperiksa semula dengan menggunakan laser thermometer. Mana-mana pengembara yang mempunyai suhu menyamai 38°C dan lebih akan dirujuk untuk pemeriksaan lanjut.
2. Sehingga **6 Ogos 2020**, Kementerian Kesihatan (KKM) telah menempatkan sebanyak **109 mesin thermal di 78 pintu masuk antarabangsa (PMA)** di negara ini, di mana setiap PMA mempunyai sekurang-kurang satu (1) mesin thermal dan jumlah ini adalah mencukupi untuk memantau mana-mana pengembara yang demam di PMA. **Dari 78 PMA ini, 17 adalah Pintu Masuk Darat, 42 adalah Pelabuhan dan Pos Kawalan Sempadan Imigresen, Kastam dan Kuaran****tin (ICQ) sementara 19 adalah Lapangan Terbang.**
3. Sehingga 6 Ogos 2020 dari 27 Januari 2020, seramai 781 telah dikesan sebagai *Person Under Investigation* (PUI) COVID-19 di PMA di mana mereka dikesan mempunyai demam atau mempunyai gejala COVID-19 atau disahkan positif dalam ujian COVID-19 di PMA.

Sekian, terima kasih.